

UNTUK SIARAN SEGERA

## **“Bernyala Terang!”: AFCC Bersiap Sedia Untuk Melancarkan Festival Sastera Secara Bersemuka Yang Pertama Tahun Ini**



Visual utama AFCC 2022 oleh J.H. Low

SINGAPURA, 18 Mei 2022—Selepas dua tahun melalui sekatan dan penjarakan sosial, para pengunjung festival akhirnya boleh bertemu dan bergaul dengan penulis dan ilustrator buku kanak-kanak Singapura kegemaran mereka secara bersemuka di Festival Kandungan Kanak-kanak Asia (Asian Festival of Children’s Content, AFCC) “Lit Up!” atau “Bernyala Terang” yang bakal berlangsung. AFCC edisi ke-13 ini akan melancarkan festival sastera secara bersemuka pertama tahun ini dari 26 hingga 29 Mei di Perpustakaan Negara.

AFCC 2022 akan menjalankan beberapa sesi dalam bahasa Melayu, termasuk Talking Your Way Out! (Bercakap untuk Bebas!), sebuah sesi bercerita interaktif yang diadakan secara bersemuka dan dalam bahasa Tamil, Mandarin, Melayu dan Inggeris. Sesi bercerita ini menampilkan Rilla Melati, yang telah dua kali memenangi Anugerah Persuratan yang berprestij untuk sastera kanak-kanak. Rilla dan rakan pemudah caranya akan mengajak kanak-kanak melibatkan diri mereka dengan cerita dalam bahasa Melayu, Cina, Inggeris dan Tamil.

Terdapat juga program bahasa Melayu dalam talian yang membentangkan topik seperti jenaka dan penceritaan digital yang menampilkan penceramah dari Asia Tenggara. Mencipta Unsur Humor dalam Buku Kanak-Kanak (Creating Humour in Children's Books) menampilkan Iskandar Syah Ismail dari Malaysia, yang membawa keceriaan kepada kanak-kanak yang sakit tenat sebagai seorang doktor badut profesional dan pengarang buku kanak-kanak. Pengarang buku kanak-kanak Indonesia Andina Subarja melengkapi panel dalam talian ini. Program dalam talian Peranan Animasi Wayang Kulit Untuk Kanak-Kanak Prasekolah (The Role of Digital Shadow Puppetry in preschool Classes) menggabungkan tradisi dan teknologi melalui pembentangan berkenaan wayang kulit digital dan bagaimana ia boleh memupuk penghayatan cerita rakyat. Dalam Mencipta Buku Bersiri Terkenal untuk Kanak-Kanak (Creating a Popular Children's Book Series), penulis dan pendidik dari Malaysia dan Singapura akan membincangkan ramuan utama untuk mencipta dan mengekalkan satu siri buku kanak-kanak yang popular. Terdapat juga program yang menampilkan sumber bahasa Melayu di festival itu, seperti Novel Initiatives to Learn Mother Tongue Languages (Inisiatif-inisiatif Baharu untuk Belajar Bahasa Ibunda), manakala pustakawan Jane Wee dan Zubaidah Mohsen akan berkongsi inisiatif Lembaga Perpustakaan Negara

dalam mempromosikan Bahasa Ibunda dalam pembentangan secara bersemuka Discovering MTL Literature for our Children.

Selain program-program yang ditujukan untuk menggalakkan penghayatan terhadap budaya dan penggunaan jenaka dalam sastera kanak-kanak Melayu, pengunjung festival juga boleh menikmati program maya lain yang menampilkan penceramah antarabangsa yang terkenal. Ini termasuk ceramah-ceramah dalam talian oleh pengarang Margarita Engle yang telah memenangi pelbagai anugerah dan Shinsuke Yoshitake yang terkenal dengan penggunaan jenaka dalam ilustrasinya.

Sila rujuk Lampiran B untuk maklumat lanjut tentang program-program dan Lampiran C untuk maklumat penceramah.

Khalayak awam juga boleh menjangkakan pameran yang menarik di Galeri Illustrator Buku (BIG). BIG akan kembali sebagai pameran digital untuk tahun ketiga, mempamerkan ilustrasi buku bergambar terbaik dari Asia dan diaspora global Asia di seluruh dunia. Ia akan menampilkan galeri khas khusus untuk ilustrator wanita dari Asia. BIG 2022 akan dilancarkan di laman web AFCC mulai 20 Mei 2022.

Format hibrid festival ini akan merangkumi lebih daripada 70 sesi bersemuka dan dalam talian, dan menampilkan lebih daripada 100 orang penceramah tempatan dan antarabangsa. Tiket dijual sekarang di laman web AFCC.

AFCC 2022 disokong oleh Tote Board Arts Fund, Kedutaan Amerika Syarikat di Singapura, Kedutaan Republik Korea ke Republik Singapura, Pejabat Perwakilan Taipei dan Jawatankuasa Penterjemahan Nasional.

Untuk maklumat lanjut, sila layari [afcc.com.sg](http://afcc.com.sg).

Butiran acara

Tarikh: 26–29 Mei 2022. Jadual lengkap, termasuk tarikh sesi bersemuka; kelas pakar dan kuliah diumumkan pada akhir April.

Tempat: Dalam talian ([afcc.com.sg](http://afcc.com.sg)) dan bersemuka. Sesi bersemuka akan berlangsung di ruang-ruang tertentu di Perpustakaan Negara.

Untuk pertanyaan berkaitan media, sila hubungi:

Ethan Leong | [ethan@bookcouncil.sg](mailto:ethan@bookcouncil.sg) | +65 6342 5122/90213611

Maklumat Tiket:

Tapak web tiket: <https://afcc2022festpasses.eventbrite.sg/?aff=PressRelease>

<b>Kategori</b>	<b>Harga</b>	<b>Kelayakan</b>
Pas Hibrid 1 Hari (26, 27, 28 atau 29 Mei)	S\$60	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Akses kepada sesi bersemuka, termasuk bengkel (dengan pendaftaran awal, mengikut hari) pada tarikh pas</li> <li>ii. Akses kepada rakaman video-atas-permintaan sesi digital selama 30 hari bermula dari tarikh pas</li> <li>iii. Akses kepada bahan eksklusif persidangan AFCC 2022, termasuk slaid pembentangan, kertas sebaran dan bahan bacaan daripada penceramah</li> <li>iv. Akses kepada sesi dalam talian, termasuk bengkel dan kuliah pada tarikh pas</li> <li>v. Diskaun 15% untuk acara bertiket yang berasingan di AFCC 2022</li> <li>vi. Diskaun 10% di Kedai Buku Festival AFCC 2022</li> <li>vii. Diskaun 10% untuk semua program Akademi SBC untuk 2022<sup>^</sup></li> </ul>
		<sup>^</sup> Kod diskaun akan dihantar dalam e-mel pengesahan selepas pembelian pas

<p>Pas Maya 1 Hari (26, 27, 28 atau 29 Mei)</p>	<p>S\$50</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Akses kepada sesi bersemuka, termasuk bengkel (dengan pendaftaran awal, mengikut hari) pada tarikh pas</li> <li>ii. Akses kepada rakaman video-atas-permintaan sesi digital selama 30 hari bermula dari tarikh pas</li> <li>iii. Akses kepada bahan eksklusif persidangan AFCC 2022, termasuk slaid pembentangan, kertas sebaran dan bahan bacaan daripada penceramah</li> <li>iv. Akses kepada sesi dalam talian, termasuk bengkel dan kuliah pada tarikh pas</li> <li>v. Diskaun 15% untuk acara bertiket yang berasingan di AFCC 2022</li> <li>vi. Diskaun 10% di Kedai Buku Festival AFCC 2022</li> <li>vii. Diskaun 10% untuk semua program Akademi SBC untuk 2022<sup>^</sup></li> </ul> <p><sup>^</sup>Kod diskaun akan dihantar dalam e-mel pengesahan selepas pembelian pas</p>
<p>Pas Hibrid 4 Hari (26-29 Mei)</p>	<p>S\$200</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Akses kepada sesi bersemuka, termasuk bengkel (dengan pendaftaran awal, mengikut hari)</li> <li>ii. Akses kepada Forum Penterjemahan dan Forum Penerbitan</li> <li>iii. Akses kepada rakaman video-atas-permintaan bagi sesi digital selama 30 hari</li> <li>iv. Akses kepada bahan eksklusif persidangan AFCC 2022, termasuk slaid pembentangan, kertas sebaran dan bahan bacaan daripada penceramah</li> </ul>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>v. Akses kepada sesi dalam talian, termasuk bengkel dan kuliah</li> <li>vi. Diskaun 15% untuk acara bertiket yang berasingan di AFCC 2022</li> <li>vii. Diskaun 10% di Kedai Buku Festival AFCC 2022</li> <li>viii. Diskaun 10% untuk semua program Akademi SBC untuk 2022<sup>^</sup></li> </ul> <p><sup>^</sup>Kod diskaun akan dihantar dalam e-mel pengesahan selepas pas dibeli</p>
<p>Pas Maya 4 Hari (26-29 Mei)</p>	<p>S\$160</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Akses kepada Forum Terjemahan dan Forum Penerbitan</li> <li>ii. Akses kepada rakaman video-atas-permintaan bagi sesi digital selama 30 hari</li> <li>iii. Akses kepada bahan eksklusif persidangan AFCC 2022, termasuk slaid pembentangan, kertas sebaran dan bahan bacaan daripada penceramah</li> <li>iv. Akses kepada sesi dalam talian, termasuk bengkel dan kuliah</li> <li>v. Diskaun 15% untuk acara bertiket berasingan di AFCC 2022</li> <li>vi. Diskaun 10% di Kedai Buku Festival AFCC 2022</li> <li>vii. Diskaun 10% untuk semua program Akademi SBC untuk 2022<sup>^</sup></li> </ul> <p><sup>^</sup>Kod diskaun akan dihantar dalam e-mel pengesahan selepas pas dibeli</p>

## Lampiran A: Mengenai Majlis Buku Singapura dan AFCC

Majlis Buku Singapura (SBC) ialah sebuah badan amal bebas berstatus IPC. Ditubuhkan pada 1968 untuk menyokong para pengarang dan kesusasteraan Singapura, SBC berhasrat untuk Membina Negara Berimaginasi Kita (Build Our Imagine-nation) dengan mengembangkan kreativiti, imaginasi, pemikiran asli dan empati.

**Visi:** Pengiktirafan antarabangsa untuk kesusasteraan Singapura yang berkualiti dan rencam.

**Misi:** Untuk membangunkan, menyokong dan mendukung sektor seni sastera pelbagai budaya.

SBC kini dipengerusikan oleh Puan Claire Chiang, pengasas bersama Banyan Tree Hotels and Resorts.

SBC disokong oleh Majlis Seni Kebangsaan Singapura di bawah Skim Syarikat Utama untuk tempoh dari 2022 hingga 2024. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.bookcouncil.sg](http://www.bookcouncil.sg).



Festival Kandungan Kanak-Kanak Asia (AFCC), anjuran Majlis Buku Singapura, merupakan festival terkemuka di Asia yang memfokuskan sastera. AFCC menawarkan satu siri perbincangan panel, bengkel, ceramah, kelas pakar dan lebih banyak lagi acara yang menarik dan menggalakkan penciptaan



dan penghargaan terhadap kesusasteraan kanak-kanak dan remaja yang berkualiti dan bertumpu pada tema-tema Asia.

AFCC akan berlangsung dalam format hibrid dari 26-29 Mei.

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.afcc.com.sg](http://www.afcc.com.sg).

### **Lampiran B: Program-program AFCC Terpilih**

#### 1. Inisiatif-inisiatif Baharu untuk Belajar Bahasa Ibunda

(Novel Initiatives to Learn Mother Tongue Languages)

Tarikh dan Masa: 26 Mei, 1130 (GMT +0800)

Jenis program: Sesi hibrid

Mencari penyelesaian masalah berterusan kurang minat kanak-kanak terhadap bahasa ibunda mereka ialah satu proses yang berpanjangan. Penceramah kami akan berkongsi bagaimana mereka telah menyusun strategi untuk menangani masalah ini melalui pelbagai inisiatif yang telah mereka sediakan, seperti membina koleksi puisi yang kanak-kanak boleh hayati dan penciptaan buku baharu yang menggunakan unsur-unsur digital.

#### 2. Mencipta Unsur Humor dalam Buku Kanak-Kanak

(Creating Humour in Children's Books)

Tarikh dan Masa: 26 Mei, 1230 (GMT +0800)

Jenis program: Sesi maya

Apakah beberapa penting yang terlibat dalam penciptaan cerita-cerita lucu? Ketahui lebih lanjut dalam sesi ini bagaimana setiap penceramah kami telah menggambarkan humor dalam karya mereka dan jika mereka ada cara-cara yang digemari untuk menggambarkannya.



3. Peranan Animasi Wayang Kulit untuk Kanak-Kanak Prasekolah  
(The Role of Digital Shadow Puppetry in Preschool Classes)

Tarikh dan Masa: 27 Mei, 1200 (GMT +0800)

Jenis program: Sesi maya

Dalam sesi ini, para peserta akan mengetahui lebih lanjut tentang penggunaan wayang kulit digital dalam membantu kanak-kanak untuk memupuk penghayatan cerita rakyat dan pemeliharannya.

4. Berbual untuk Bebas!

(Talking Your Way Out!)

Tarikh dan Masa: 28 Mei, 1530 (GMT +0800)

Jenis program: Sesi bersemuka

Apabila petunjuk-petunjuk misteri muncul di seluruh Singapura, dan meminta makna sebenar mereka didedahkan, sekumpulan wira yang tidak didendang menyambut cabaran itu dan membentuk... The Super Golis! Tetapi mereka tidak akan dapat melakukannya sendiri. Para peserta akan berganding bahu dengan watak buku cerita kanak-kanak kegemaran Singapura sambil mereka mengharungi laluan berselirat pelbagai petunjuk berbilang bahasa dan bekerjasama untuk membuka kunci misteri terakhir.

Super Golis... Bersatu! (Psst... Golis itu guli)

Peserta akan dibahagikan kepada beberapa pasukan. Sesi interaktif ini akan menggunakan bahasa Inggeris dengan bantuan (jika perlu!) untuk menyelesaikan petunjuk dalam bahasa Mandarin, Melayu dan Tamil. Sesuai untuk kanak-kanak dari enam (6) hingga sembilan (9) tahun.

5. Mencipta Buku Bersiri Terkenal untuk Kanak-Kanak



Singapore Book Council

Building Our Imagine-nation

(Creating a Popular Children's Book Series)

Tarikh dan Masa: 29 Mei, 1000 (GMT +0800)

Jenis program: Sesi maya

Mencipta sebuah siri buku ialah satu cara untuk para penulis membina nama mereka dan minat pembaca tetapi untuk para penulis yang ingin berbuat demikian, bagaimanakah mereka harus bermula? Sesi ini akan merangkumi perkara yang diperlukan untuk mencipta sebuah siri buku, proses menghasilkannya dan cara untuk mengekalkannya.

## Lampiran C: Penceramah AFCC Terpilih



Nama : Ain Maisarah

(Malaysia)

Bersama-sama Ain Maisarah dalam: Mencipta Buku Bersiri Terkenal untuk Kanak-Kanak  
(Creating a Popular Children's Book Series)

Ain Maisarah ialah seorang penulis terkenal dari Malaysia yang telah mengarang lebih daripada 150 novel untuk kanak-kanak dan remaja. Beliau juga kerap melakukan lawatan sekolah untuk mempromosikan pembacaan dan penulisan kepada kalangan pelajar. Sebelum ini, Ain Masarah merupakan seorang kolumnis untuk akhbar Berita Harian dan *Majalah ASUH*, serta buku-bukunya pernah dipertimbangkan untuk filem dan televisyen oleh penyiar Malaysia, ASTRO.



Nama : Andina Subarja

(Indonesia)

Bersama-sama Andina Subarja dalam: Mencipta Unsur Humor dalam Buku Kanak-Kanak  
(Creating Humour in Children's Books)

Andina Subarja telah menjadi ilustrator buku kanak-kanak sejak 2013, bekerjasama dengan beberapa

penerbit dan organisasi kanak-kanak. Beliau tinggal di Jakarta bersama-sama suaminya dan kaktus plastiknya. Beliau lemah dalam matematik, tetapi cemerlang dalam tidur siang. Salah satu buku yang beliau telah mengilustrasi ialah *Sirama-Rama*, sebuah projek Room to Read. Beliau juga pengarang dan ilustrator *Kejutan Kungkang* dan *Gelinding*.



Nama: Dahlan Ghani

(Malaysia)

Bersama-sama Dahlan Ghani dalam: Peranan Animasi Wayang Kulit untuk Kanak-Kanak Pra Sekolah

(The Role of Digital Shadow Puppetry in Pre School Classes)

Profesor Madya Dr Dahlan ialah ketua bahagian animasi di Universiti Kuala Lumpur (UniKL), Kampus Bandaraya Institut Teknologi Maklumat Malaysia (MIIT). Berpengalaman selama 20 tahun dalam mengajar subjek multimedia dan animasi, Dr Dahlan telah terlibat dalam banyak bidang penyelidikan dan inovasi seperti multimedia, reka bentuk permainan, aplikasi imersif (realiti terimbuh dan realiti maya), pengajian komik dan animasi, filem pendek (videografi), pengiklanan kreatif dan banyak lagi.



Nama: Haslindah Mispan

(Singapura)

Bersama-sama Haslindah Mispan dalam: Mencipta Buku

Bersiri Terkenal untuk Kanak-Kanak

(Creating a Popular Children's Book Series)

Puan Haslindah Mispan merupakan mantan Pakar Peneraju, Bahasa Melayu, Kementerian Pendidikan Singapura. Beliau mempunyai pengalaman lebih daripada 13 tahun mengajarkan Bahasa Melayu di sekolah menengah dan 26 tahun menjalankan tugas-tugas membangun dan merancang Kurikulum Bahasa Melayu dari peringkat prauniversiti sehingga prasekolah di Kementerian Pendidikan. Selain menjadi penyunting bagi *Siri Bacaan Nabil dan Nabilah* pada peringkat prasekolah dan Darjah 1 dan 2, beliau juga terlibat dalam pemilihan bahan-bahan bagi penerima Dana Kedwibahasaan Lee Kuan Yew.



Nama: Iskandar Syah Ismail

(Malaysia)

Bersama-sama Iskandar Syah Ismail dalam: Mencipta

Unsur Humor dalam Buku Kanak-Kanak

(Creating Humour in Children's Books)

Iskandar Syah Ismail ialah seorang badut hospital yang terlatih dan pengasas pertubuhan amal Red Bubbles. Beliau juga seorang penulis buku kanak-kanak dengan

menghasilkan siri buku kanak-kanak bergambar DR Bubbles bersama rakan setugasnya, Latfy Anuar Latif. Beliau juga seorang penterjemah profesional dan sudah menterjemah beberapa buah buku bukan fiksyen ke dalam Bahasa Melayu.



Nama: Rilla Melati  
(Singapura)

Bersama-sama Rilla Melati dalam: Talking Your Way Out!  
(Bercakap untuk Bebas!)

Pemenang Anugerah Persuratan sebanyak dua kali, Rilla ialah seorang pendidik, pengarang, usahawan, penyampai TV dan perintis program pidato dan drama Melayu di sekolah-sekolah di Singapura. Beliau membina kandungan kreatif untuk bilik darjah dan televisyen dan telah menulis lebih daripada dua puluh lima buku kanak-kanak Melayu serta dwibahasa. Sebagai pengasas syarikat pendidikan Mini Monsters Ltd, beliau berharap dapat menyemarakkan semula kecintaan terhadap bahasa Melayu melalui bengkel, penerbitan dwibahasa dan bahan pendidikan merentas media yang relevan untuk generasi kanak-kanak masa kini.



Nama: Saridah Hamid

(Malaysia)

Bersama-sama Saridah Hamid dalam: Mencipta Buku

Bersiri Terkenal untuk Kanak-Kanak

(Creating a Popular Children's Book Series)

Saridah Hamid seorang anak jati Kampung Baru, Kuala Lumpur yang mula menulis sejak 1990. Beliau ialah penulis untuk siri Young Aisyah yang pernah diterjemahkan dalam Bahasa Indonesia dan dipasarkan di Indonesia. Buku-bukunya bertajuk *Terima Kasih Nurul* dan *Hapuskan Air Mata Ana* juga mendapat anugerah Pemenang Anugerah Buku Negara 2012.



Nama: Shahida Sarhid

(Singapura)

Bersama-sama Shahida Sarhid dalam: Inisiatif-inisiatif

Baharu Belajar Bahasa Ibunda

(Novel Initiatives to Learn Mother Tongue Languages)



Shahida Sarhid ialah seorang wartawan di Berita Harian. Beliau bermula sebagai wartawan gaya hidup dan pada masa yang sama menjadi editor penerbitan pelajar Berita Harian - i3 (sebutan I-Cube) / GenG (sebutan Gen G). Melibatkan golongan muda terus menjadi minatnya, dan sehingga hari ini, beliau secara aktif mengambil bahagian dalam Perjalanan Belajar dan Lawatan Sekolah untuk menarik minat pelajar terhadap kewartawanan dan bahasa Melayu. Beliau kini merupakan penerbit bersama dan penyampai podcast BH, #NoTapis, dan menjadi pengacara untuk banyak program dalam talian BH termasuk perbincangan berkenaan isu-isu semasa serta program maklumat hiburan akhbar tersebut pada pagi Ahad iaitu The BM Show.



Nama: Siti Raudhah  
(Singapura)

Bersama-sama Siti Raudhah dalam: Mencipta Buku Bersiri Terkenal untuk Kanak-Kanak  
(Creating a Popular Children's Book Series)

Pada tahun 2018, Cikgu Siti Raudhah telah dijemput untuk menjadi sebahagian daripada pasukan pendidik Bahasa Melayu prasekolah untuk menulis Siri Bacaan Nabil dan Nabilah khusus bagi kanak-kanak prasekolah. Beliau menginginkan buku cerita yang dapat menarik minat, mencetuskan kreativiti dan membangkitkan rasa ingin tahu kanak-kanak



Singapore Book Council

Building Our Imagine-nation

prasekolah. Dalam bukunya yang bertajuk Ubi, beliau juga ingin menganyam nilai-nilai tradisional dan menyerlahkan perubahan peranan yang dimainkan oleh datuk dan nenek pada masa kini.

---

Imej semua penyampai di AFCC boleh didapati [di sini](#).